

Al Quran dan Neurosains: Kesan Frekuensi bunyi daripada bacaan Al Quran terhadap Gelombang otak

¹ Norsiah Fauzan

¹Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
fnorsiah@animas.my

Abstrak: Kertas kerja ini membincangkan tentang gelombang bunyi atau frekuensi bunyi daripada Al Quran dan perkatiannya dengan gelombang otak. Bunyi-bunyi daripada Quran ini boleh mengubah struktur dan hubungan antara neuron atau setiap lobul otak. Yang paling penting ialah pengaktifan bahagian bahagian otak implikasi daripada pelbagai bunyi daripada pelbagai frekuensi surah yang dibaca daripada Al-Quran . Malah setiap sel dalam badan kita juga mengandungi atom atom yang dikelilingi oleh elektron negatif yang putarannya akan menghasilkan medan kuasa elektrik dan magnetik. Apa yang merangsangkan kita berfikir adalah wujudnya sistem ini yang memberi kesan kepada anggota tubuh badan kita. Untuk mengaktifkan sistem ini supaya seimbang memerlukan getaran atau gelombang bunyi agar keseimbangan tubuh dapat dikembalikan harmoni seperti sediakala. Kecepatan getaran di udara mencapai 340 meter per saat. Getaran atau gelombang dalam pendengaran manusia ialah di sekitar 20 hingga 20,000 ribu getaran per saat. Apabila gelombang tersebut melalui telinga, berlakunya proses perubahan yang dinamakan sebagai proses “transduction”. Isyarat elektrik ini menjadi isyarat tenaga elektrik yang diukur dalam Hertz dan bergerak melalui saraf auditori terus ke bahagian otak tengah sehingga mendapat tindak balas daripada sel-sel daripada pelbagai bahagian otak yang secara serentak menterjemahkan isyarat yang diterima dalam bahasa yang difahami oleh sel-sel tubuh manusia. Isyarat-isyarat ini akan memerintahkan anggota tubuh untuk mendapatkan tindak balasnya. Secara amnya, apabila sel tubuh manusia mendengar getaran bunyi atau suara, ia akan bertindak balas untuk pengaturcaraan kepada frekuensi yang lebih normal. Kertas ini turut membincangkan tentang rakaman gelombang otak ketika mendengar Surah Al fatihah .Rakaman menunjukkan gelombang dominan adalah gelombang delta, gelombang penyembuhan . Gelombang delta boleh menghasilkan hormone pertumbuhan dan peningkatan Melatonin untuk penyembuhan sel-sel yang rosak sesuai dengan surah Al fatihan sebagai ayat syifa

PENGENALAN

Al quran telah diturunkan kepada umat Islam untuk dijadikan manual kehidupan yang lengkap daripada segala aspek. Dengan itu, setiap umat islam dituntut untuk membaca, mendalami dan menghayati makna yang terkandung didalamnya. Al quran tidak diturunkan hanya untuk dijadikan perhiasan semata-mata tetapi setiap pengertiannya harus diamalkan untuk mendatangkan faedah kepada setiap pembacanya samada untuk perubahan atau untuk ketenangan seperti yang terkandung dalam suruh Yunus ayat 57:

“wahai manusia, telah datang kepada kamu Al – quran yang menjadi pengajaran daripada Tuhanmu dan dan penyembuh bagi penyakit yang ada dalam dadamu (jiwa) dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman”

Pelbagai kajian di dalam mahupun di luar negara telah dilakukan bagi mengkaji kelebihan kitab suci Al Quran dari segi fizikal dan jasmani kepada umat manusia tanpa mengira agama. Salah satu kelebihan pembacaan Al - -quran adalah amalan ini mampu menjadi ubat atau terapi jiwa bagi menghilangkan kegelisahan, perasaan gundah – gulana dan fikiran yang berserabut. Al-Quran memberikan impak yang luar biasa terhadap imunitasi